

PERSIAPAN SEMBAHYANG FARDHU JUMAAT KALI KEDUA DALAM TAHAP PERTAMA PADA 05 JUN 2020 DI MASJID, SURAU DAN BALAI IBADAT SELURUH NEGARA

Rabu, 11 Syawal 1441 / 03 Jun 2020

1. Alhamdulillah wasyasyukru lillah, pada hari Jumaat 29 Mei yang lalu kita telah membuka semula masjid, surau dan balai – balai ibadat seluruh negara bagi menunaikan sembahyang fardhu Jumaat setelah ditutup sementara mulai 20 Mac hingga 22 Mei 2020 yang meliputi sepuluh kali Jumaat. Kita bersembahyang Jumaat pada 29 Mei yang lalu itu dan Jumaat-Jumaat seterusnya nanti adalah diselenggarakan mengikut tatacara kawalan kesihatan bagi menghindarkan penularan jangkitan COVID-19 secara meluas di kalangan masyarakat yakni *community spread*. Kerana itu kita melalui saringan kesihatan dengan menggunakan aplikasi *BruHealth* yang juga akan memudahkan pengesanan kontek – *contact tracing* jika berlaku kes jangkitan COVID-19 berikutan daripada perhimpunan ramai sembahyang fardhu Jumaat di masjid, surau dan balai-balai ibadat seluruh negara dalam sesuatu tempoh pada tahap-tahap yang telah dirancangkan oleh pihak yang berkuasa kesihatan.
2. Langkah membuka semula yang bermula pada hari Jumaat 29 Mei yang lepas itu adalah dalam tahap pertama *de-escalation* atau pengurangan langkah-langkah pengawalan COVID-19 di negara kita bagi masjid, surau dan balai-balai ibadat, iaitu bagi selama 14 hari mulai 29 Mei hingga 12 Jun yang meliputi tiga kali Jumaat. Dan langkah membuka semula ini adalah disandarkan kepada ketetapan Fatwa Mufti Kerajaan Bil: 02/2020 iaitu setelah meyakini bahawa keadaan wabak tersebut di negara kita adalah sudah terkawal sebagaimana pernyataan serta nasihat Kementerian Kesihatan. Maka sama-samalah kita bermunajat memohon kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala supaya terlindung daripada bala bencana wabak COVID-19 yang sedang melanda dunia khususnya dan wabak penyakit-penyakit yang lain, sambil tetap berusaha dengan mematuhi peraturan undang-undang berkenaan yang dikuatkuasakan serta mengamalkan panduan-panduan kawalan kesihatan yang dianjurkan.
3. Dalam hubungan ini, Kementerian Hal Ehwal Ugama sukacita mengucapkan terima kasih dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada petugas-petugas yang

ms : 1 / 4

telah memberikan khidmat cemerlang mereka menyelenggarakan kawalan-kawalan yang diperlukan. Mereka itu terdiri daripada Pasukan Polis Diraja Brunei, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Sukarelawan Belia Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Persatuan Bulan Sabit Merah, Persatuan Pengakap, Pegawai-Pegawai Masjid yang terdiri daripada imam, bilal dan marbut serta Ahli Jawatankuasa Takmir dan Sukarelawan Masjid, Surau dan Balai-Balai Ibadat. Begitu juga kepada Jemaah seramai lebih tiga puluh ribu orang yang datang bersembahyang secara teratur dan tertib dengan persiapan yang rapi yang dikehendaki. Angka sejumlah itu adalah anggaran yang diperolehi daripada catatan Kementerian Kesihatan melalui aplikasi *BruHealth*.

4. Kita di negara ini percaya dan yakin bahawa dengan berkat doa dan amal ibadat serta amal kebajikan yang disertai dengan usaha yang bersungguh-sungguh lagi ikhlas daripada semua pihak iaitu pihak-pihak berkenaan kerajaan dan orang ramai, in syaa Allah dengan rahmat dan izin Allah jua wabak COVID-19 di negara kita ini akan terkawal keadaannya dan seterusnya akan segera berakhir.
5. Sesungguhnya jangkitan COVID-19 yang turut melanda negara kita sejak ia mula dikesan pada awal bulan Mac tahun ini telah menimbulkan keadaan luar biasa yang menjejaskan kehidupan seharian kita yang juga turut menjejaskan bukan sahaja mata pencarian pekerja dan peniaga-peniaga dalam sektor-sektor tertentu bahkan juga menjejaskan pelaksanaan amalan serta perayaan keagamaan yang mana kebetulan dalam tempoh dari mula jangkitannya di negara ini diketahui pada 09 Mac itu ialah termasuk Sambutan Isra' Me'raj dalam bulan Rejab, Nisfu Sya'ban dalam bulan Sya'ban, ibadat puasa, sembahyang terawih, Sambutan Nuzul Al-Quran dan tedarus al-Quran dalam bulan Ramadhan dan seterusnya sambutan perayaan Hari Raya 'Eidulfitri pada satu haribulan Syawal. Namun demikian, kita telah menempuhnya dengan baik, sabar dan dengan sikap yang dan wajar, penuh pengertian serta persefahaman sehingga dapat merancang dan melaksanakan cara-cara alternatif yang praktikal termasuklah mengaturkan *pelaksanaan* tugas kerja dari rumah, bermesyuarat yang melibatkan dua hala dan berbagai hala melalui aplikasi *online* begitu juga persekolahan, amalan mengaji atau bertedarus dan mengkhatam al-Qur'an juga secara *online*. Maka setelah kita memasuki tahap pengurangan langkah-langkah pengawalan COVID-19 atau *de-escalation* sekarang ini jangan pula kita terlalu *iski* sehingga leka dan lalai. Ingat baik-baik bahawa kita

masih dalam keadaan berwaspada dengan usaha menghindarkan bahaya jangkitan yang meluas di kalangan masyarakat, *community spread* yang jika terjadi akan mencemaskan dan sangat membahayakan.

6. Dalam konteks inilah makanya pembukaan semula masjid masih bertahap-tahap sehingga ke tahap empat nanti, insyaa Allah, sekitar bulan Julai di mana setakat sekarang kita baru akan masuk Jumaat ke-2 pada 5 Jun 2020 lusa dalam tahap pertama selama empat belas hari sehingga Jumaat ke-3 pada 12 Jun nanti. Dan untuk itu kita perlu berusaha melicinkan urusan dan pengendalian beberapa perkara dalam pelaksanaan sembahyang Jumaat di masjid, surau dan balai-balai ibadat seluruh negara. Termasuklah nanti akan mengaturkan tatacara pelaksanaan yang berhemat untuk sembahyang fardhu lima waktu pada tahapnya yang dirancangkan sebelum masjid, surau dan balai-balai ibadat kembali berfungsi dalam keadaan normal, termasuklah juga diri kita yang beribadat dan bergiat mentakmirkannya.
7. Untuk penyelenggaraan sembahyang Jumaat seterusnya, sukacita dimaklumkan bahawa beberapa agensi yang terlibat iaitu pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Kesihatan, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah bersetuju untuk menambah baik penyelenggaraan iaitu setelah melakukan *post mortem* ke atas penyelenggaraan sembahyang Jumaat pada 29 Mei yang lalu, seperti berikut:

Pertama: Masjid, surau dan balai-balai ibadat akan mula dibuka pada pukul 11.30 pagi (setengah jam lebih awal daripada sebelumnya) dan akan mula ditutup apabila sahaja selesai khutbah dan sebelum bilal melaungkan *Iqamah* untuk imam dan jema'ah memulakan sembahyang Juma'at,

Kedua: Membuka lebih banyak pintu-pintu pagar masuk ke kawasan dan pintu masuk ke dalam masjid, surau dan balai-balai ibadat mengikut kesesuaiannya untuk keselesaan dan kelancaran jemaah masuk dengan menambah bilangan petugas pengimbas Kod QR dan pemeriksaan suhu badan. Jemaah dikehendaki beratur menurut penjarakan fizikal dan seterusnya membersihkan tangan dengan *hand sanitizer* sebelum masuk ke ruang sembahyang,

Ketiga: Poster yang menunjukkan panduan semasa hadir dan berada di masjid, surau dan balai-balai ibadat akan ditampal di luar pagar masjid sebagai tambahan pemberigaannya yang telah dibuat melalui RTB, akhbar dan media sosial,

Keempat: Untuk makluman seterusnya adalah ditegaskan lagi bahawa kehadiran ke masjid, surau dan balai-balai ibadat untuk bersembahyang fardhu Jumaat adalah dengan tapisan tahap kesihatan seseorang menerusi aplikasi *BruHealth* yang dilakukan setiap hari mulai setiap hari Isnin menjelang hari Jumaat. Setiap orang yang diberikan kod warna hijau bolehlah menempah masjid yang tersenarai dalam aplikasi tersebut. Oleh itu perlulah seseorang termasuk warga asing yang beragama Islam yang ada di negara ini dan berhajat akan menunaikan sembahyang fardhu Juma'at, mereka dan juga warga negara yang belum mendaftar hendaklah mendaftar ke dalam aplikasi *BruHealth* untuk mengetahui tahap kesihatan yang melayakkannya hadir ke masjid, surau dan balai-balai ibadat sebagai jemaah. Sekiranya tahap kesihatan mereka didapati tidak mengizinkan iaitu dengan tanda-tanda kod yang berwarna lain selain daripada warna hijau maka mereka tidaklah perlu hadir berjemaah sembahyang fardhu Jumaat di masjid, surau dan balai-balai ibadat. Mereka itu mempunyai alasan *uzur syarie* yang melepaskan mereka dari kewajipan menunaikan sembahyang fardhu Jumaat.

8. Akhirnya Kementerian Hal Ehwat Ugama sekali lagi merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama yang sangat baik sehingga masjid dapat dibuka semula dan keperluan-keperluannya dapat diselenggarakan dengan sempurna. Kerjasama ini adalah berkat semangat perpaduan dan persefahaman dalam melakukan perkara-perkara berkebajikan dan taqwa dan juga dalam usaha menghindarkan melakukan perkara – perkara berkejahatan (dosa), sebagaimana yang disebutkan dalam al-Quran, ayat 2, surah al-Maidah:

“ وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ”

-Tamat-

Rujukan: KHEU/BPA/PR/Jun/2020

Tarikh: 11 Syawal 1441 bersamaan 03 Jun 2020